



Headline: Penoreh getah rugi RM184,999 diperdaya Language: Malay
'pegawai bank' dan 'polis'
Publication/Portal: Sinar Harian Section: Nasional
Date: 18 November 2019 Page: 18

Penoreh getah rugi RM184,999 diperdaya 'pegawai bank' dan 'polis'

KUANTAN - Seorang penoreh getah kerugian RM184,999 selepas diperdaya dua lelaki yang menyamar sebagai pegawai bank dan polis kelmarin.

Mangsa berusia 45 tahun dari Bera diperdaya kononnya kad kredit atas namanya digunakan pihak lain untuk pengeluaran tunai RM7,000.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, pada 14 November lalu mangsa menerima panggilan daripada 'pegawai bank' dari Kuala Lumpur bagi pengesahan berhubung pengeluaran wang menggunakan kad kredit atas namanya.

Menurutnya, mangsa menafikan kerana tidak pernah mempunyai kad kredit atau membuka akaun di bank berkenaan sebelum panggilan disambungkan kepada pegawai polis dari Bukit Aman menggunakan nama Yap



MOHD WAZIR

Chee Hong bagi tujuan semakan.

"Mangsa dimaklumkan, hasil semakan polis mendapati semua maklumat kad bank milik mangsa sudah terdedah dan diketahui pihak lain sebelum diarahkan memindahkan wangnya ke sebuah akaun lain untuk siasatan dan bagi mengelak dikeluarkan pihak lain.

"Mangsa yang panik terus akur dengan membuat empat transaksi pemindahan secara bera-

singan ke tiga buah akaun bank membabitkan jumlah keseluruhan RM184,999," katanya.

Mohd Wazir berkata, selepas semua wangnya dipindahkan, mangsa dimaklumkan wang tersebut akan dipulangkan semula dalam tempoh tiga hari selepas siasatan selesai dan keselamatan akaun mangsa terjamin.

"Mangsa hanya menyedari dirinya ditipu selepas usahanya untuk menghubungi pegawai polis berkenaan gagal kerana talian telefon lelaki itu dimatikan.

"Mangsa yang syak telah ditipu tampil membuat laporan polis kelmarin dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya.

Mohd Wazir berkata, pihaknya kini turut menegesan pemilik akaun bank yang digunakan dalam kes itu bagi membantu siasatan.